



Jawab **semua** soalan.  
Masa 1 jam 15 Minit

**Bahagian A**  
[20 markah]

1 Orang yang tidak beriman dengan Tauhid Uluhiyyah akan menjadi .....

- A Sesat
- B Sombong
- C Seleweng
- D Songsang

2 Pilih pernyataan yang berkaitan dengan alam musyahadah.

- I Manusia boleh mengambil manfaat daripadanya.
- II Manusia yang hidup boleh melihat keindahannya.
- III Manusia boleh mengkaji, menyelidik dan menerokainya.
- IV Manusia boleh hidup di dalamnya buat selama-lamanya.

- A I, II dan III
- B II, III dan IV
- C I, II dan IV
- D I, III dan IV

3 Harta terbahagi kepada dua jenis

- A Harta boleh alih dan harta tidak boleh alih.
- B Harta orang kaya dan harta orang miskin.
- C Harta kekal dan harta sementara.
- D Harta dunia dan harta akhirat

4 Penguasaan sepenuhnya terhadap sesuatu barangan

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Manipulasi.
- B Monopoli.
- C Sabotaj.
- D Rasuah.

5

X



Segala hukuman, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah berdasarkan wahyu Allah dan Hadis.

Unsur X di atas merujuk kepada \_\_\_\_\_

- A Rabbaniyyah
- B Syumuliyyah
- C Waqi'yyah
- D Alamiyyah

6

Y



Keputusan yang dikeluarkan oleh para mufti dan diwartakan berkaitan hukum syarak bagi menyelesaikan masalah semasa

- A Qadha
- B Fikah
- C Fatwa
- D Ijtihad

7 Negara Islam ialah

- A Negara bersumberkan hukum akal..
- B Negara bersumberkan hukum syarak
- C Negara yang diketuai oleh pemimpin Islam.
- D Negara bersumberkan al-Quran dan al-Hadis

8 Perundangan Islam adalah lengkap kerana

- I Merangkumi semua aspek kehidupan manusia.
- II Sentiasa berubah sesuai dengan kehendak manusia.
- III Sentiasa berkembang sesuai dengan hidup manusia.
- IV Mengandungi peraturan hidup dunia dan akhirat.

- A I dan II.
- B II dan III.
- C III dan IV.
- D I dan IV.

9 Pengganti nabi dalam urusan menegakkan agama dan mentadbir urusan dunia.

Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian

- A Wali
- B Ulama`
- C Khalifah
- D Ketua Hakim

10 Penyelesaian masalah secara Islam ialah menyelesaikan masalah manusia berdasarkan syariat Islam yang merangkumi seluruh aspek \_\_\_\_\_ manusia.

- A Masalah
- B Peraturan
- C Kehidupan
- D Perundangan

- 11 Antara berikut yang manakah tergolong dalam konsep thabat.
- I Akidah
  - II Ibadah
  - III Bid'ah
  - IV Hukum syariah
- A I, II dan III
  - B II, III dan IV
  - C I, II dan IV
  - D I, III dan IV
- 12 Pernyataan berikut merupakan hubungan al-Quran dengan al-Hadis.
- A Hadis merupakan sumber rujukan utama al-Quran.
  - B Hadis menjelaskan isi kandungan al-Quran
  - C Hadis menambah baik ayat al-Quran.
  - D Hadis menyempurnakan al-Quran
- 13 Maksud surah al-Qiamah ayat 37 – 39  
"Bukankah ia berasal dari air mani yang dipancarkan (ke dalam rahim) ?. Kemudian air mani itu bertukar menjadi sebuku darah beku, sesudah itu Tuhan menciptakannya dan menyempurnakan kejadiannya, lalu Tuhan menjadikannya dua jenis....."
- Ayat di atas menceritakan tentang .....
- A Proses kejadian air mani.
  - B Proses kejadian darah beku.
  - C Proses kejadian makhluk manusia.
  - D Proses kejadian Pencipta Alam Semesta.
- 14 Umat Islam dituntut mencari harta secara halal untuk.
- I Menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.
  - II Mengelakkan penindasan dan penganiayaan.
  - III Mengumpul wang sekadar yang mampu.
  - IV Dipandang mulia oleh masyarakat.
- A I dan II.
  - B II dan III.
  - C III dan IV.
  - D I dan IV.
- 15 Antara berikut adalah contoh amalan-amalan syirik **kecuali**
- A Menilik nasib.
  - B Menyembah berhala.
  - C Mempercayai tangkal azimat.
  - D Menderhaka kepada ibu bapa.

- 16 Amalan yang boleh dilakukan untuk memelihara akal ialah
- I Memikirkan zat Allah s.w.t
  - II Menjauhi arak dan dadah
  - III Menghadiri majlis ilmu
  - IV Melakukan riadah.
- A I, II dan III.
  - B I, II dan IV.
  - C I, III dan IV.
  - D II, III dan IV.
- 17 Keistimewaan negara Islam ialah :
- I Menegakkan keadilan
  - II Hak kebebasan mengikut tempat.
  - III Mendapat keampunan dari Allah.
  - IV Kehidupan aman dan harmoni.
- A I, II dan IV
  - B I, II dan III
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV
- 18 Islam menyelesaikan masalah perpecahan masyarakat dengan cara....
- A Membangunkan ekonomi negara.
  - B Menunaikan semua permintaan rakyat.
  - C Mengadakan majlis kenduri dan sukan.
  - D Melaksanakan keadilan kepada semua manusia.
- 19 Pilih pernyataan yang benar tentang peranan agama dalam membina tamadun.
- I Agama Islam mewajibkan umatnya menuntut ilmu.
  - II Agama Islam mewajibkan umatnya berakhlak mahmudah
  - III Agama Islam mewajibkan umatnya berfikir secara kritis dan kreatif
  - IV Agama Islam mewajibkan umatnya melakukan sesuatu untuk kepentingan diri sahaja.
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C I, II dan IV
  - D I, III dan IV
- 20 Manusia diberi kebebasan untuk memiliki harta kerana
- I Itulah fitrah manusia.
  - II Telah bersusah payah mencari harta.
  - III harta perantaraan bagi kebahagiaan hidup.
  - IV Menggalakkan manusia bekerja bersungguh-sungguh.
- A I, II dan III.
  - B I, II dan IV.
  - C I, III dan IV.
  - D II, III dan IV.

**Bahagian B**  
[20 markah]

Nyatakan istilah bagi perkara berikut.

Untuk  
Kegunaan  
Pemeriksa

- |    |   |  |  |
|----|---|--|--|
| 21 | Pelaksanaannya bersifat anjal tetapi selagi masih tetap atas prinsipnya. (Murunah)                            | <input style="width: 100px; height: 25px;" type="text"/> | <input style="width: 40px; height: 40px; border: 1px solid black; position: relative; margin: 0 auto;"/> <div style="position: absolute; top: 5px; right: 5px; border: 1px solid black; padding: 2px;">1</div> |
| 22 | Persepakatan dan persetujuan ulama Islam mengenai hukum syarak selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. (al-Ijmak) | <input style="width: 100px; height: 25px;" type="text"/> | <input style="width: 40px; height: 40px; border: 1px solid black; position: relative; margin: 0 auto;"/> <div style="position: absolute; top: 5px; right: 5px; border: 1px solid black; padding: 2px;">1</div> |
| 23 | Islam bersifat sarwajagat yakni sesuai bagi semua manusia. (Alami`yyah)                                       | <input style="width: 100px; height: 25px;" type="text"/> | <input style="width: 40px; height: 40px; border: 1px solid black; position: relative; margin: 0 auto;"/> <div style="position: absolute; top: 5px; right: 5px; border: 1px solid black; padding: 2px;">1</div> |

Lengkapkan pernyataan berikut

Untuk  
Kegunaan  
Pemeriksa

- |    |  |  |
|----|--|--|
| 24 | Islam melarang umatnya melakukan perbuatan _____ seperti hasad dengki, mencuri dan berzina. (Mazmumah)                           | <input style="width: 40px; height: 40px; border: 1px solid black; position: relative; margin: 0 auto;"/> <div style="position: absolute; top: 5px; right: 5px; border: 1px solid black; padding: 2px;">1</div> |
| 25 | _____ ialah memberikan sesuatu barangan yang berharga kepada seseorang bagi mendapatkan sesuatu dengan cara yang salah. (rasuah) | <input style="width: 40px; height: 40px; border: 1px solid black; position: relative; margin: 0 auto;"/> <div style="position: absolute; top: 5px; right: 5px; border: 1px solid black; padding: 2px;">1</div> |
| 26 | Pemilihan Ketua Negara Islam mestilah melalui _____ . (Majlis Syura)   | <input style="width: 40px; height: 40px; border: 1px solid black; position: relative; margin: 0 auto;"/> <div style="position: absolute; top: 5px; right: 5px; border: 1px solid black; padding: 2px;">1</div> |
| 27 | Pekerjaan _____ menyebabkan produktiviti dihasilkan secara bersama. (Makan gaji)   | <input style="width: 40px; height: 40px; border: 1px solid black; position: relative; margin: 0 auto;"/> <div style="position: absolute; top: 5px; right: 5px; border: 1px solid black; padding: 2px;">1</div> |

Untuk  
kegunaan  
Pemeriksa

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.  
Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH.

- |  |    |   |  |
|--|----|---|--|
| <input style="width: 40px; height: 40px; border: 1px solid black; position: relative; margin: 0 auto;"/> <div style="position: absolute; top: 5px; right: 5px; border: 1px solid black; padding: 2px;">1</div> | 28 | Matlamat muamalah ialah mewujudkan sebuah masyarakat yang aman dan sejahtera. | <input style="width: 100px; height: 25px;" type="text"/> |
| <input style="width: 40px; height: 40px; border: 1px solid black; position: relative; margin: 0 auto;"/> <div style="position: absolute; top: 5px; right: 5px; border: 1px solid black; padding: 2px;">1</div> | 29 | Ijtihad diwajibkan jika terdapat keperluan semasa.                            | <input style="width: 100px; height: 25px;" type="text"/> |

- |   |  |  |  |
|---|--|--|--|
| 1 |  | 30 Titian sirat adalah penentu untuk masuk ke syurga atau ke neraka. |  |
| 1 |  | 31 Hukum fikah diijtihadkan oleh mujtahid                            |  |


Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan ( X ) dan ( Y ) dalam ruangan yang disediakan.

Kesan pekerjaan yang halal terhadap:

|   |      |   |            |
|---|------|---|------------|
| X |      | Y |            |
|   | Diri |   | Masyarakat |

|   |    | Pernyataan   | Jawapan |
|---|----|--|---------|
| 1 | 32 | Harta yang dimiliki mendapat keredhaan Allah.                  |         |
| 1 | 33 | Hidup bersama dalam keadaan aman dan damai.                    |         |
| 1 | 34 | Pertalian silaturrahim menjadi bertambah erat antara sama lain |         |
| 1 | 35 | Disanjung dan dihormati oleh orang lain                        |         |
| 1 | 36 | Tidak melakukan perbuatan mazmumah seperti mencuri             |         |

Carta di bawah berkaitan dengan hubungan yang telah digariskan dalam sistem sosial Islam.



Nyatakan

37 P \_\_\_\_\_

38 Q \_\_\_\_\_

Nyatakan dua contoh ibadat yang menghubungkan manusia dengan Allah

39 \_\_\_\_\_

40 \_\_\_\_\_

**KERTAS JAWAPAN  
KERTAS 1**

**Bahagian A**

**1    A    B    C    D**

**2    A    B    C    D**

**3    A    B    C    D**

**4    A    B    C    D**

**5    A    B    C    D**

**6    A    B    C    D**

**7    A    B    C    D**

**8    A    B    C    D**

**9    A    B    C    D**

**10   A    B    C    D**

**11   A    B    C    D**

**12   A    B    C    D**

**13   A    B    C    D**

**14   A    B    C    D**

**15   A    B    C    D**

**16   A    B    C    D**

**17   A    B    C    D**

**18   A    B    C    D**

**19   A    B    C    D**

**20   A    B    C    D**

|                   |
|-------------------|
| <b>BAHAGIAN A</b> |
|                   |

**KERTAS 2**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

[100 markah ]

Jawab **lima** soalan sahaja

Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih mana-mana **empat** soalan yang lain.

- |   |     |   |               |
|---|-----|---|---------------|
| 1 | (a) | (i) Berikan pengertian wahyu  | [2 markah ]   |
|   |     | (ii) Jelaskan ciri-ciri wahyu   | [6 markah ]   |
|   | (b) | (i) Nyatakan pengertian Rububiyyah.   | [2 markah ]   |
|   |     | (ii) Nyatakan <b>empat</b> ciri orang yang berpegang teguh dengan ajaran agama.   | [4 markah ]   |
|   | (c) | (i) Jelaskan <b>dua</b> perbezaan antara tauhid Rububiyyah dan tauhid Uluhiyyah.  | [4 markah ]   |
|   |     | (ii) Terangkan <b>dua</b> ciri Islam sebagai agama Samawi   | ( [2 markah ] |
| 2 | (a) | (i) Konsep Rabbaniyyah merupakan antara asas yang perlu di fahami untuk mendapat gambaran sebenar tentang Islam . Apakah yang di maksudkan dengan Rabbaniyyah ? | [2 markah ]   |
|   |     | (ii) Terangkan perkara yang perlu di lakukan oleh setiap muslim untuk memiliki sifat Rabbaniyyah ?  | [4 markah ]   |
|   | (b) | (i) Nyatakan <b>dua</b> sifat Rabbaniyyah ?<br>(4 markah )  | [4 markah ]   |
|   |     | (ii) Senaraikan <b>tiga</b> prinsip Syumuliyah ?  | [6 markah ]   |
|   | (c) | Nyatakan <b>dua</b> ciri Waqi'iyah dalam ibadat ?   | [4 markah]    |
| 3 | (a) | (i) Madinah merupakan negara Islam pertama yang ditubuhkan oleh Rasulullah s.a.w.<br>Nyatakan maksud negara Islam.  | [2 markah]    |
|   |     | (ii) Senaraikan ciri-ciri negara Islam  | [4 markah]    |
|   | (b) | (i) Perlantikan seseorang hakim tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya .<br>Nyatakan <b>tiga</b> sifat seorang hakim yang menepati kehendak syarak     | [6 markah]    |
|   |     | (ii) Mengapakah seseorang hakim mesti sentiasa tenang dan berfikiran waras  | [4 markah]    |
|   | (c) | Sistem sosial Islam mempunyai ciri-ciri tertentu yang membezakannya dengan sistem sosial ciptaan manusia.<br>Jelaskan <b>dua</b> perbezaan tersebut.            | [4 markah]    |

- 4 (a) (i) Harta perlu diurus dengan baik. [4 markah]  
Terangkan cara-cara menguruskan harta menurut Islam.
- (ii) Jelaskan **tiga** kesan yang akan ditanggung oleh masyarakat sekiranya berlaku pengabaian tanggungjawab terhadap harta [6 markah]
- (b) (i) Terangkan pengertian muamalah. [2 markah]  
(ii) Jelaskan **tiga** faedah muamalah dalam Islam. [6 markah]
- (c) Nyatakan **dua** contoh muamalah dalam Islam. [2 markah]
- 5 (a) (i) Perundangan Islam merupakan perundangan yang paling unggul. [2 markah]  
Apakah yang dimaksudkan dengan perundangan Islam
- (ii) Nyatakan **dua** ciri keunggulan perundangan Islam. [4 markah]  
(iii) Terangkan **dua** daripada sumber perundangan Islam [4 markah]
- (b) (i) Hukuman dalam Islam bertujuan untuk memberi pengajaran . [2 markah]  
Nyatakan **dua** contoh hukuman Islam yang perlu dilaksanakan di khalayak ramai .
- (ii) Mengapakah umat Islam wajib melaksanakan perundangan Islam [4 markah]  
(c) Nyatakan **dua** bukti Perundangan Islam menyediakan hukuman yang adil [4 markah]
- 6 (a) (i) Nyatakan pengertian penyelesaian masalah menurut Islam. [2 markah]  
(ii) Senaraikan matlamat penyelesaian masalah menurut Islam. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan cara Islam membasmi kejahatan umatnya dalam ilmu pengetahuan [4 markah]  
(ii) Nyatakan kesan kecemerlangan pendidikan kepada umat Islam. [6 markah]
- (c) “ Kefakiran boleh mendorong seseorang itu kufur kepada Allah “ [4 markah]  
Bincangkan kebenaran pernyataan di atas.
- 7 (a) (i) Jelaskan proses kejadian manusia menurut al-Quran ? [6 markah]  
(ii) Nyatakan tanggungjawab insan kepada Allah s.w.t sebagai penciptanya [4 markah]
- (b) (i) Terangkan **tiga** ciri muamalah yang tidak sah dalam Islam. [6 markah]  
(ii) Terangkan **dua** implikasi kehidupan tanpa bekerja kepada masyarakat [4 markah]

### KERTAS SOALAN TAMAT

**SKEMA KERTAS 1**  
**BAHAGIAN A**

|     |   |     |   |     |   |     |   |     |   |
|-----|---|-----|---|-----|---|-----|---|-----|---|
| 1.  | A | 2.  | A | 3.  | A | 4.  | B | 5.  | A |
| 6.  | C | 7.  | D | 8.  | D | 9.  | C | 10. | C |
| 11. | C | 12. | B | 13. | C | 14. | A | 15. | D |
| 16. | D | 17. | C | 18. | D | 19. | A | 20. | C |

**BAHAGIAN B**

21. Murunah
22. Al-Ijmak
23. A'lamiyyah
24. Mazmumah
25. Rasuah
26. Majlis Syura
27. Makan gaji
28. Betul
29. Salah
30. Salah
31. Betual
32. X
33. Y
34. Y
35. X
36. X
37. Manusia
38. Alam
39. Solat/ haji /
40. Puasa / zakat

**SKEMA KERTAS 2**

- 1 (a) (i) Erti wahyu ialah kalam Allah s.w.t / sesuatu daripada Allah s.w.t yang disampaikan kepada rasul melalui malaikat Jibril atau secara terus. (2 markah)
- (ii) Ciri-ciri wahyu ialah: (6markah)
- Datang daripada Allah s.w.t.
  - Kekal hingga akhir zaman.
  - Kebenaran mutlak
  - Hanya disampaikan kepada nabi dan rasul.
  -
- (b) (i) Erti Rububiyah ialah keyakinan dalam hati secara mutlak bahawa Allah s.w.t yang mentadbirkan semua benda di dunia ini. (2 markah)
- (ii) Ciri orang yang berpegang teguh dengan ajaran agama. (4 markah)
- Redha dengan ketentuan Allah s.w.t.
  - Ikhlas melakukan sesuatu.
  - Bersyukur dengan nikmat Allah s.w.t.
  - Berakhlak mulia.
  -
- (c) (i) Perbezaan antara tauhid Rububiyah dan tauhid Uluhiyyah (4 markah)
- | Tauhid Rububiyah   | Tauhid Uluhiyyah   |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keyakinan dalam hati secara mutlak Allah s.w.t pentadbir alam.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keyakinan dalam hati bahawa Allah s.w.t yang Maha Esa dan layak disembah dan dipatuhi.</li> </ul> |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Diimani / dipercayai oleh semua manusia.</li> </ul>                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dipercayai / diimani oleh orang Islam.</li> </ul>   |
- (ii) Ciri Islam sebagai agama Samawi. (2 markah)
- Disampaikan oleh utusan Allah s.w.t / rasul.
  - Mempunyai kitab suci.
  - Datang daripada Allah s.w.t.
  - Kebenaran yang mutlak.
- 2 (a) (i) Maksud Rabbaniyyah segala hukum , konsep , nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah s.w.t dan hadis (2 markah)
- (ii) perkara yang perlu dilakukan untuk memiliki sifat Rabbaniyyah (4 markah)
- Beriman kepada Allah s.w.t
  - Melaksanakan perintah Allah s.w.t
  - Meninggalkan larangan Allah s.w.t
  - Bekerja mencari keredhaan Allah s.w.t
- (b) (i) Sifat Rabbaniyyah (4 markah)
- Islam agama wahyu
  - Islam agama bersih dari kekurangan
  - Peraturan yang lengkap
  - Semua makhluk milik Allah s.w.t
- (ii) Prinsip Syumuliyah (6 markah)
- Kesempurnaan hanyalah milik Allah
  - Peraturan yang disediakan lengkap dan menyeluruh
  - Semua makhluk terikat dengan masa , tempat dan ruang .

- (c) Ciri Waq'iyyah dalam ibadat (4 markah)
- Ibadah dalam Islam tidak membebankan dan menyusahkan manusia
  - Ibadah dalam Islam mudah difahami dan dihayati
  - Ibadah dalam Islam mengambil kira kemampuan dan keterbatasan fitrah manusia
  - Mewajibkan zakat hanya ke atas orang yang mampu
- 3 (a) (i) Maksud negara Islam.negara yang mengarahkan segala urusan pemerintahan dan pentadbirannya dengan bersumberkan al-Quran dan al-Hadis serta jihad yang benar. (2 markah)
- (ii) Ciri-ciri negara Islam (4 markah)
- Berasaskan al-Quran dan al-Hadis.
  - Melaksanakan amar makruf dan nahi munkar.
  - Mewujudkan keamanan dan kesejahteraan.
  - Jaminan kebebasan hak asasi.
  - Ketua negara yang adil dan saksama.
  - Majlis syura sebagai asas pemerintahan.
- (b) (i) Tiga sifat seorang hakim yang menepati kehendak syarak (6 markah)
- Beriman dan bertaqwa kepada Allah s.w.t
  - berilmu
  - waras fikiran dan sentiasa tenang
  - berwibawa dan di hormati
  - berani dan tegas
- (ii) Seseorang hakim mesti sentiasa tenang dan berpandangan jauh (4 markah)
- Supaya dapat membuat keputusan yang adil dan telus
  - Menjatuhkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan
  - Mengelakkan kesalahan dalam penghakiman
  - Mengelak penganiyaan dan kezaliman
- 3 (c) perbezaan sistem sosial Islam dengan sistem sosial ciptaan manusia (4 markah)

| Sistem Sosial Islam  | Sistem Sosial Ciptaan Manusia   |
|--|---|
| Perhubungan atas dasar taqwa kpd Allah s.w.t dan mendapatkan keredhaanNya. | Perhubungan atas dasar keluarga/darjat/ada kepentingan.                                     |
| Pergaulan mengikut lunas-lunas Islam / pergaulan terbatas                  | Pergaulan bebas mengikut nilai-nilai adat dan budaya.                                       |
| Mengamalkan akhlak mulia.  | Mengamalkan nilai yang diterima oleh masyarakat setempat/tidak mementingkan perlakuan baik. |
| Berpandukan al-Quran dan al-Hadis.   | Mengikut nilai yang diwarisi oleh adat dan kebudayaan setempat.                             |
| Mengutamakan kepentingan umum daripada individu.                           | Mengutamakan kepentingan diri daripada orang lain.  |

- 4 (a) (i) Cara-cara mengurus harta menurut Islam: (4 markah)
- harta tersebut ditunai haknya seperti zakat
  - tanggungjawab sosial dilaksanakan seperti derma/sedekah
  - harta digunakan untuk kegunaan / manfaat orang ramai
  - harta diuruskan secara berhemat / tidak dibazirkan
- (ii) Kesan pengabaian tanggungjawab terhadap harta. (6 markah)
- perasaan hasad dengki / iri hati akan timbul
  - permusuhan dan perbalahan boleh tercetus
  - golongan miskin dan berhajat akan terpinggir / tersisih
  - semangat tolong menolong boleh terhakis
  - kehidupan hidup bermasyarakat tidak aman / tidak selesa
- (b) (i) Muamalah ialah satu daripada bahagian fikah yang berhubung dengan tatacara perhubungan sesama manusia dalam memenuhi keperluan masing-masing yang berkaitan dengan harta, jual beli perdagangan dan lain-lain. (2 markah)
- (ii) Faedah muamalah dalam Islam (6 markah)
- Dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang aman dan sejahtera.
  - Memudahkan manusia menikmati segala kurniaan Allah.
  - Dapat memastikan segala kegiatan ekonomi diberkati Allah.
  - Dapat mengeratkan persaudaraan antara individu dan masyarakat melalui proses transaksi yang dijalankan.
  - Dapat menghindarkan diri daripada kezaliman.
  - Mendapat keredaan Allah.
- (iii) Contoh muamalah dalam Islam. (2 markah)
- Ar-Rahn.
  - Al-Ijarah.
  - Al-Takaful.
  - Al-Qardhul Hasan.
  - Al-Bai' Bitahaman Ajil.
  - Al-Wadiah.
  - Al-Ijarah.
  - Al-Musyarakah.
  - Al-Murabahah
- 5 (a) (i) Perundangan Islam ialah segala hukum yang ditetapkan oleh Allah kepada manusia merangkumi semua aspek kehidupan. (2 markah)
- (ii) Ciri keunggulan Islam ialah; (4 markah)
- Ciptaan Allah
  - Lengkap dan sesuai
  - Hukuman yang adil
  - Kekal hingga hari Kiamat
  - Mendidik jiwa manusia
  - Memelihara keselamatan masyarakat dan negara
  - Hukuman bersifat memberi pengajaran
  - Ganjaran pahala bagi yang mematuhi undang-undang Islam

- (iii) Sumber-sumber perundangan Islam ialah; (4 markah)
- Al-Quran – Kalam Allah yang diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w melalui Malaikat Jibril yang mengandungi syariat Allah
  - Al-Hadis – Segala perkataan, perbuatan, dan pengakuan Rasulullah yang diriwayatkan.
  - Al-Ijmak – Persepakatan dan persetujuan ulama' mengenai hukum syarak selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w
  - Al Qias – Menghubungkan hukum yang tidak ada kepada hukum yang ada kerana persamaan ilat (sebab )
- (b) (i) Contoh hukuman yang perlu dilaksanakan di khalayak ramai (2 markah)
- Hukuman rejam sampai mati bagi penzina sudah mohsin
  - Hukuman sebat bagi penzina belum mohsin dan peminum arak
  - Hukuman potong tangan bagi mencuri
  - Hukuman bunuh balas
- (ii) Umat Islam wajib melaksanakan perundangan Islam kerana ; (4 markah)
- Merupakan ciptaan Allah
  - Lengkap dan merangkumi semua aspek kehidupan manusia
  - Sesuai untuk semua / bersifat universal
  - Mendapat pahala dan rahmat Allah
- (iii) Bukti perundangan Islam menyediakan hukuman yang adil ialah; (4 markah)
- Hukuman yang dijatuhkan tidak mengira batasan kedudukan dan keturunan.
  - Hukuman yang dijatuhkan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan
  - Hukuman yang diberikan dapat membela dan menjamin manusia
- 6 (a) (i) Penyelesaian masalah menurut Islam ialah menyelesaikan masalah berasaskan syariat Islam yang merangkumi semua aspek kehidupan seperti ekonomi, politik, sosial dan perundangan. (2 markah)
- (ii) Matlamat penyelesaian masalah menurut Islam (4 markah)
- Menegakkan keadilan dalam masyarakat.
  - Melahirkan semangat kerjasama dan perpaduan.
  - Hidup dengan aman dan selesa.
- (b) (i) Cara Islam membasmi kejahilan umat dalam ilmu pengetahuan adalah : (4 markah)
- Islam mewajibkan umatnya menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh
  - Islam menyarankan umatnya supaya sentiasa berdedikasi dalam menuntut ilmu
  - Islam mewajibkan umatnya supaya menyebarkan ilmu kepada orang lain
- (ii) Kesan kecemerlangan pendidikan kepada umat Islam: (6 markah)
- budaya ilmu akan berkembang dalam masyarakat
  - umat Islam akan menjadi maju
  - kejahilan umat akan dapat dibasmi

- (c) Kefakiran boleh mendorong seseorang itu kufur kepada Allah (4 markah)
- kefakiran mendorong seseorang itu melakukan jenayah seperti mencuri, rasuah dan sebagainya.
  - Kefakiran juga mendorong seseorang itu mudah berputus asa
  - Kefakiran boleh menjatuhkan maruah bangsa
  - Kefakiran boleh menyebabkan seseorang itu sanggup menggadai nyawa kerana tidak tahan tekanan hidup
  - Kefakiran juga boleh menyebabkan seseorang sanggup bertukar agama demi mendapatkan sesuatu
- 7 (a) (i) Proses kejadian manusia menurut al-Quran (6 markah)
- D daripada percampuran sperma dan ovum
  - Janin membesar dalam rahim ibu dan apabila cukup sifatnya akan di lahirkan sebagai manusia .
- (ii) Tanggungjawab insan kepada Allah s.w.t (4 markah)
- menyembah Allah s.w.t
  - mentaati suruhanNya
  - menjauhi laranganNya
- (b) (i) Tiga ciri muamalah yang tidak sah dalam Islam. (6 markah)
- Muamalah yang mempunyai unsur –unsur penipuan.
  - Muamalah yang mempunyai unsur-unsur penindasan.
  - Muamalah yang mengandungi perjudian.
  - Yang mengandungi unsur-unsur barangan yang tidak suci.
  - Barang jualanyag belum pasti seperti ikan di lautan.
- (ii) implikasi kehidupan tanpa bekerja kepada masyarakat. (4 markah)
- Menimbulkan masalah sosial
  - Merebak kegiatan jenayah
  - Dibenci oleh Allah s.w.t
  - Ekonomi akan merosot

**SKEMA TAMAT**

**CATATAN**

**CATATAN**

## **CATATAN**